

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 13 MAC 2015 (JUMAAT)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Kes jenayah siber meningkat 73 peratus	Utusan Malaysia
2.	Ops Jelajah Siber bantu mangsa banjir kembalikan data yang hilang	The Rakyat Post
3.	Lebih banyak industri, organisasi amalkan sistem SPKKP menjelang 2020 – NIOSH	BERNAMA
4.	Laporan kerugian aktiviti pertanian akibat banjir di Sarawak dijangka siap minggu depan	BERNAMA
5.	Tanah kurnia cemar air	Berita Harian

Penduduk bertambah, isu cetus kritikan jadi faktor

Kes jenayah siber meningkat 73 peratus

Oleh ALIF FADLI MOHD. SORI
dan NUR HIDAYAH MUSTAFA
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 12 MAC

SEBANYAK 2,107 kes jenayah siber dilaporkan dalam tempoh Januari sehingga Februari tahun ini berbanding 1,215 kes dalam tempoh sama tahun lalu dengan menunjukkan peningkatan drastik sebanyak 73 peratus.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr. Abu Bakar Mohamad Diah berkata, peningkatan drastik tersebut mungkin disebabkan oleh pertambahan penduduk di Malaysia dan juga faktor kebanyakan isu yang mengundang pelbagai kritikan dan pendapat daripada pengguna siber.

Tegasnya, ramai pengguna Internet, khususnya dalam media sosial tidak mengetahui perbuatan mereka merupakan satu jenayah siber dan boleh diadapakan ke mahkamah sekiranya pendapat atau kenyataan mereka melanggar undang-undang negara.

"Mereka (pengguna Internet) perlu tahu, apa yang mereka lakukan di alam maya seperti memberi pendapat atau kenyataan akan

diperhatikan dan dipantau oleh Cybersecurity Malaysia yang merupakan agensi di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

"Maka sekiranya kenyataan mereka jelas melanggar undang-undang dan terdapat aduan berhubung perkara tersebut, maka mereka terbuka kepada pendakwaan dan boleh diadapakan ke mahkamah," katanya ketika ditemui pemberita di sini hari ini.

Beliau berkata demikian selepas menyempurnakan acara pelepasan Ops Jelajah Siber yang merupakan satu program tanggungjawab sosial korporat (CSR) kementerian melalui agensinya, Cybersecurity dalam membantu mangsa banjir memulihkan maklumat, data, imej serta maklumat yang disimpan di dalam gajet atau peralatan komputer.

Dalam pada itu, Abu Bakar berkata, kementerian kini giat melaksanakan program kesedaran berhubung jenayah siber di seluruh negara bagi memberi pendedahan bahaya jenayah siber yang semakin berleluasa.

"Undang-undang melibatkan jenayah siber sudah cukup tegas, namun apa yang dikesali ialah kesedaran rakyat terhadap jenayah

siber semakin berkurang dan itulah tanggungjawab kementerian dalam memberi pendedahan bahayanya jenayah siber ini.

"Budaya jenayah siber kini dilihat semakin berleluasa dan kita perlu membendung perkara tersebut dalam kadar segera sebelum lebih banyak isu atau masalah yang bakal timbul kelak," katanya.

Mengulas tentang Ops Jelajah Siber, Abu Bakar berkata, program yang bermula hari ini dengan peruntukan RM115,000 itu akan menjelajah ke tiga negeri yang dilanda bah kuning Disember lalu iaitu Kelantan, Pahang dan Terengganu serta disertai 17 petugas termasuk dua jurutera dari Korea Selatan.

"Kita menjemput orang ramai supaya hadir dengan membawa peranti atau alatan digital seperti pemacu storan (thumb drive) dan kad pengenalan bagi tujuan pendaftaran serta menyenaraikan jenis data yang ingin dibaik pulih.

"Sebagai sebuah kementerian yang bertanggungjawab dalam membangunkan bidang sains dan teknologi negara, adalah wajar untuk kami menggembleng tenaga pakar dari Cybersecurity untuk turun padang membantu mangsa banjir bagi memulihkan data mereka," katanya.



ABU BAKAR MOHAMAD DIAH melepaskan pasukan sukarelawan Ops Jelajah Siber yang akan mengunjungi negeri-negeri Pantai Timur untuk mengumpul data dalam majlis pelepasan program tersebut di pekarangan bangunan Sapura, Seri Kembangan di Kuala Lumpur, semalam. - UTUSAN/FARID JANUDIN

The Rakyat PostTM

Ops Jelajah Siber bantu mangsa banjir kembalikan data yang hilang

Seramai 17 sukarelawan dan dua jurutera komputer dari Korea menyertai Ops Jelajah Siber bagi mencari data yang hilang akibat bencana banjir yang berlaku awal tahun ini.

Timbalan Menterinya, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah berkata, jelajah ini bukannya diadakan untuk membantu orang ramai membaiki komputer mereka yang rosak, sebaliknya hanya terbatas kepada kerja-kerja membaik pulih data-data serta khidmat nasihat.

“Pihak MOSTI turut membelanjakan RM118,000 untuk membantu orang ramai mendapatkan semula data-data mereka yang hilang secara percuma dengan kerjasama kerajaan negeri.

“Sukarelawan Ops Jelajah Siber akan membantu orang ramai dari segi mengenal pasti punca kerosakan, pemulihan kad memori, penyaringan data dan pemulihan cakera padat manakala alat ganti yang rosak perlulah dibeli sendiri oleh para pelanggan.

“Kita cuma akan menasihati mereka mengenai alat atau perkakas perisian mereka yang rosak dan alat ganti tersebut terpulanglah kepada mereka untuk membelinya bagi membaik pulih kerosakan tersebut,” katanya dalam sidang media sebelum pelepasan Ops Jelajah Siber di Perkarangan Bangunan Sapura@Mines, Seri Kembangan, di sini hari ini.

Jelasnya, proses pemulihan data yang ditawarkan itu bergantung kepada tahap kerosakan.

“Sekiranya ia melibatkan kerosakan fizikal, ia dapat dibaik pulih dengan proses penggantian komponen mekanikal atau elektrikal yang terlibat dan jika ia melibatkan

kerosakan logikal, ianya dapat dipulihkan dengan memperbaiki sistem fail media storan digital yang terlibat," katanya.

Beliau berkata data kini sudah menjadi sebahagian daripada kehidupan lebih-lebih lagi data peribadi seperti gambar-gambar perkahwinan, maklumat perbankan ataupun fail-fail yang mustahak.

"Industri IT seperti membaik pulih data-data kini sudahpun menjadi salah satu perkhidmatan yang penting.

"Kalau dulu ada juga album gambar tapi kini kebanyakan orang ramai hanya menyimpan gambar mereka dalam bentuk digital dan jika data tersebut rosak sudah tentu ianya akan hilang terus," katanya.

Tambahnya, program tersebut juga diadakan secara khusus bagi membantu mangsa banjir mendapatkan semula maklumat, data, imej serta informasi yang disimpan di dalam gajet komputer, telefon bimbit, kad sim serta kad memori yang telah hilang atau rosak akibat banjir.

"Jika dulu mereka sibuk untuk memastikan kediaman, kelengkapan rumah serta pakaian, kini mereka mula memberi tumpuan kepada gajet-gajet yang telah musnah akibat ditenggelami air bah.

"Oleh itu, kami menjemput orang ramai supaya hadir dengan membawa bersama media storan digital yang ditenggelami air. Orang ramai hanya perlu membawa kad pengenalan bagi tujuan pendaftaran, menyenaraikan jenis data ataupun fail yang ingin dibaikpulih seperti Microsoft Office dan sebagainya," katanya.

Dalam pada itu, Abu Bakar memberitahu bahawa Ops Jelajah Siber merupakan yang pertama kali diadakan dan para sukarelawan tersebut akan bergerak ke tiga zon iaitu Kelantan (12 hingga 19 Mac 2015), Pahang (23 hingga 29 Mac 2015) dan Terengganu (2 hingga 7 April 2015).

Read more: <http://bm.therakyatpost.com/sosial/2015/03/12/ops-jelajah-siber-bantu-mangsa-banjir-kembalikan-data-yang-hilang/#ixzz3UE6Dnm8F>



Lebih Banyak Industri, Organisasi Amalkan Sistem SPKKP Menjelang 2020 - NIOSH

KOTA KINABALU, 12 Mac (Bernama) -- Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Negara (NIOSH) menjangkakan lebih banyak industri atau organisasi di negara ini mengamalkan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (SPKKP) menjelang 2020, kata Pengarah Eksekutifnya, Rosli Hussin.

Bagaimanapun, Rosli berkata pelbagai aspek perlu diambil kira dalam membolehkan syarikat yang terlibat dalam perindustrian mewujudkan dan mengamalkan sistem terbabit.

"Tidak mudah untuk mendapatkan serta mengekalkan sistem yang diamalkan ini kerana industri atau organisasi yang menggunakan sistem tersebut memerlukan komitmen tinggi dan keberanian," katanya ketika ditemui pemberita selepas majlis pelancaran sistem itu yang melibatkan enam jabatan Universiti Malaysia Sabah (UMS) di sini Khamis.

Enam jabatan itu ialah Jabatan Canselori, Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Pusat Pengurusan EcoCampus, Pusat Islam UMS, Bahagian Audit Dalam dan Pusat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

Katanya amalan SPKKP mampu mewujudkan standard amalan keselamatan dan kesihatan yang lebih tinggi di kalangan kakitangan syarikat atau sesebuah organisasi.

Rosli berkata dengan standard seperti itu, ia berupaya membina keyakinan dan kepercayaan pemegang taruh, kerajaan dan masyarakat terhadap perkhidmatan yang ditawarkan dalam sesebuah syarikat.

"Kelebihan industri atau organisasi yang mengamalkan sistem ini juga lebih mudah dikenali serta diterima di luar negara," katanya.

Sehingga kini, sebanyak 145 syarikat menerima sijil pengiktirafan MS 1722 manakala 681 syarikat lagi memiliki sijil pengiktirafan OHSAS 18001. Kedua-dua sijil berkenaan dikeluarkan oleh tujuh badan pensijilan dan diiktiraf [Jabatan Standard Malaysia](#).

Sementara itu, Rosli berkata NIOSH sedang giat menjalankan kursus atau program audit pembekal bagi memperbanyakkan lagi juruaudit pada masa depan.

Katanya dengan adanya juruaudit terlatih yang mencukupi langkah menjalankan audit dan memberi akreditasi kepada syarikat-syarikat di negara ini dapat diperkembangkan.

-- BERNAMA



Laporan Kerugian Aktiviti Pertanian Akibat Banjir Di Sarawak Dijangka Siap Minggu Depan

KUCHING, 12 Mac (Bernama) -- Laporan jumlah kerugian atau kerosakan akibat banjir terhadap aktiviti berkaitan pertanian di Sarawak seperti kerosakan tanaman, kebun atau kematian haiwan ternakan, dijangka siap hujung minggu depan.

Timbalan Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Alfred Jabu berkata pejabat residen di 11 bahagian di Sarawak sedang bekerjasama rapat dengan Jabatan Pertanian daerah masing-masing, dalam membuat penilaian berkenaan, sebelum dimuktamad dan diserahkan kepada Majlis Keselamatan Negara (MKN) di negeri berkenaan.

Katanya berdasarkan laporan penilaian itu, kerajaan negeri akan membuat cadangan kepada MKN mengenai jumlah bantuan wang ihsan yang sesuai untuk diagihkan kepada petani dan penternak terbabit.

Sementara itu, beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Sarawak berkata sehingga kini 16,524 keluarga dikenal pasti mangsa banjir di Sarawak baru-baru ini, yang akan menerima bantuan wang ihsan daripada MKN.

"Daripada jumlah itu, 1,449 keluarga sudah menerima dan selebihnya akan memperoleh wang berkenaan tidak lama lagi," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa itu di Bilik Gerakan Negeri di sini hari ini.

Merujuk kepada keadaan cuaca pula, Jabu berkata berdasarkan laporan [Jabatan Meteorologi](#) bagi tempoh tiga bulan akan datang, Sarawak dijangka tidak mengalami keadaan cuaca melampau dengan tiada tanda-tanda berlaku kemarau, mahupun hujan lebat yang membawa banjir.

-- BERNAMA

Eksklusif

Tanah kurnia cemar air

» Penerima lot langgar syarat kurniaan

Oleh Mohd Fahmi Mohd Yusof
mohdfahmi@bh.com.my

► Kota Tinggi

Tanah kurnia yang ditanam betik berhampiran kawasan tadahan Empangan Sungai Lebam dekat Bandar Penawar di sini, berdepan risiko dirampas kerajaan negeri, kerana penerimaanya menyalahi syarat kurniaan.

Berdasarkan syarat awal kurniaan tanah yang dikeluarkan Pejabat Tanah Daerah (PTD), kawasan itu hanya dibenarkan untuk tanaman sawit.

Selain merampas balik tanah yang melanggar syarat, PTD Kota Tinggi dan Badan Kawal Selia Air Johor (BAKAJ) diarah mengambil tindakan terhadap pihak yang mencemar sumber air empangan itu dengan penalti sehingga RM500,000.

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah negeri, Datuk Hasni Mohammad, yang terkejut melihat aktiviti pertanian sekitar kawasan itu, berkata Empangan Sungai Lebam kini berisiko dan terdedah kepada pencemaran.

Beliau berkata, aktiviti pertanian yang menyalahi syarat itu tidak seharusnya berlaku dan PTD serta Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) diarah bersemuka dengan pemilik tanah terbabit.

BAKAJ diberi kuasa

"Berdasarkan enakmen, BAKAJ diberi kuasa mengambil tindakan pada pihak yang melakukan pencemaran terhadap kawasan sumber air atau tadahan di empangan.

"Aktiviti pertanian di sini kelihatan tidak mengambil kira langkah aliran baja yang menyerap, boleh mencemarkan sumber air kawasan tadahan seterusnya ke Empangan Sungai Lebam," katanya selepas tinjauan mengejut di sekitar empangan itu dan lokasi penempatan tanah kurnia di Bandar Penawar di sini, semalam.

Yang turut menyertai tinjauan itu, Pengarah BAKAJ, Rashid A Rahmat; Ketua Jabatan Pengeluaran SAJ Holdings (SAJ), Khairi Jaafar dan Ketua Komunikasi Korporat SAJ, Jamaluddin Jamil.

Laporan eksklusif BH pada



Rabu lalu, mendedahkan mengenai penerokaan tanah di kawasan itu yang meresahkan masyarakat setempat berikutan ia satu-satunya kawasan tadahan yang membekalkan air kepada hampir 100,000 penduduk.

Penduduk mempersoalkan bagaimana kawasan yang sebelum ini diwartakan sebagai tadahan air boleh dikurniakan kepada individu, seterusnya digondol dan diteroka sebagai kawasan pertanian.

Empangan Sungai Lebam ketika ini juga adalah satu-satunya empangan yang membekalkan air untuk penduduk bermula dari FELDA Air Tawar 4, Desaru, Bandar Penawar hingga ke Pengerang dan Teluk Ramunia.

Pembenihan awan


Hasni berkata, kemerosotan paras air empangan terbabit yang kini berada kepada tahap kritikal 11.4 meter, dialami ekoran cuaca panas berpanjangan serta kekurangan kira-kira 1,000 mililiter hujan yang dialami sepanjang tahun lalu.

"Dalam usaha mengelak gangguan bekalan kepada pengguna, kerajaan negeri sudah memberi lampu hijau kepada Jabatan Meteorologi untuk melakukan pembenihan awan, sekiranya diperlukan pada bila-bila masa di sekitar kawasan ini," katanya.



Ikuti BH Plus
di www.bharian.com.my
untuk lebih gambar dan video.

Hasni (dua dari kanan) bersama wakil BAKAJ dan SAJ melihat peta lokasi Empangan Sungai Lebam, Bandar Penawar, Pengerang. (FOTO ZULKARNAIN AHMAD TAJUDDIN/BH)



Imej satelit menunjukkan kawasan yang dibangunkan berhampiran Empangan Sungai Lebam.